



BERITA

Pendigitalan Pendidikan Tarik Minat Murid Orang Asli terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Oleh Azean Idruswati Idrus • 7 Februari 2024, 15:36

A⁺ A⁻ A⁰

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui [Telegram](#) [Langgan Sekarang](#)

Muar – Dalam Belanjawan 2024, agenda pendigitalan pendidikan dalam sistem pendidikan negara telah diberikan tumpuan khusus oleh YB Fadhlina Sidek, selaku Menteri Pendidikan. Sehubungan dengan itu, mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kampus Pagoh telah merealisasikan usaha pendigitalan pendidikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid Orang Asli (OA) di Sekolah Kebangsaan Kampung Bahru, Lenga, Muar, Johor.

Menurut Nur Anis Afifah Shah Rizal, iaitu Ketua Program Pendigitalan Pendidikan, program ini bertujuan mewujudkan barisan pendidik serta murid yang kreatif dan inovatif sejajar dengan keperluan zaman dan seiring dengan kehendak Revolusi Industri 4.0.

IKLAN

Pelaksanaan pendigitalan ini juga berdasarkan kelemahan yang telah dikenal pasti bagi murid Tahun 2, 4 dan 5, iaitu dari aspek tatabahasa, penulisan dan membaca. Sebanyak 15 orang murid turut serta dalam usaha mendedahkan mereka kepada pendigitalan pendidikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Hasil daripada penggunaan pendigitalan sebagai alat bantuan mengajar ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan tatabahasa, penulisan dan membaca dalam kalangan murid OA, bahkan dapat menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik berbanding dengan menggunakan buku fizikal.



Dr. Azean Idruswati Idrus dan mahasiswa UIA Kampus Pagoh bergambar bersama-sama murid OA SK Kampung Bahru, Lenga, Muar, Johor.

Artikel ini ialah © Hakcipta Terpeliharanya JendelaDBP. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang.

Buletin JendelaDBP

Inginkan berita dan artikel utama setiap hari terus ke e-mel anda?

E-mel

[Langgan](#)

Kongsi [WhatsApp](#) [Facebook](#) [Twitter](#)

Yang Berkaitan

- WACANA CENDOKIA I**
Pencerahan terhadap Dakwaan Golongan yang Meragui...
7 Februari 2024, 13:50
- ANAKEM PRIMA**
DBP, PROFIMA dan FINAS Martabatkan Bahasa Melayu...
2 Februari 2024, 10:02
- WAKANA CENDOKIA I**
Bahasa Melayu sebagai Jati Diri dalam Filem Melayu...
2 Februari 2024, 09:49
- WAKANA CENDOKIA I**
Pelaksanaan Modul TMK dalam POP Bahasa Melayu KSSR
1 Februari 2024, 09:23
- WAKANA CENDOKIA I**
Sudut Bahasa dan Budaya Jepun Daya Penarik Pameran...
21 Januari 2024, 10:28
- WAKANA CENDOKIA I**
Bahasa Penyampai Radio Perlu Difahami oleh Khalayak...
19 Januari 2024, 09:15

PORTAL E-MAJALAH

Dewan Bahasa
Dewan Sasstra
Dewan Masyarakat
Dewan Budaya
Dewan Ekonomi
Dewan Kosmik
Dewan Tamadun
Islam
Tunas Cipta

PAUTAN PENTING

Laman Web DBP
PRPM
Klik Web
Akademi DBP
ejurnal DBP
Khidmat Nasihat DBP
Dasar Privasi
Polisi Pemulangan dan Pembayaran Semula

MEDIA SOSIAL DBP

[Facebook](#)
[Instagram](#)
[Twitter](#)
[YouTube](#)
[TikTok](#)
[Telegram](#)

DBPNIAGA

[DBPniaga](#)
[Facebook](#)
[DBPniaga](#)
[Instagram](#)
[DBPniaga](#)

HUBUNGI KAMI

Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
T: 03-2147 9000, 03-2147 9378, 03-2147 9383
✉ jendela@dbp.gov.my
[Aduan](#)